



**LAPORAN INTERIM KAJIAN IMPAK SOAL SELIDIK  
PROJEK RINTIS DRSA DAN PROJEK PELUASAN DRSA [VERSI 01]**

---

**PROJEK DATA RAYA SEKTOR AWAM (DRSA) 2.0  
UNIT PEMODEGAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**



Disediakan oleh:  
Quandatics (M) Sdn. Bhd.

Tarikh Disediakan:  
12 November 2020

## KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	2
2.	Objektif Kajian.....	2
3.	Senarai Agensi.....	3
4.	Kaedah Kajian .....	4
5.	Maklumat Umum .....	4
5.1	Bahagian A: Jawatan .....	5
5.2	Bahagian B: Gred .....	6
5.3	Bahagian C: Skim.....	7
5.4	Bahagian D: Umur Responden.....	7
5.5	Bahagian E: Projek Yang Terlibat.....	8
5.6	Bahagian F: Tajuk Kes Bisnes .....	9
5.7	Bahagian G: Peranan Dalam Projek.....	11
5.8	Bahagian H: Kekerapan Penggunaan <i>Dashboard</i> .....	11
5.9	Bahagian I: Pengetahuan Mengenai <i>Big Data</i> .....	13
6.	Dapatan Kajian.....	14
6.1	Bahagian A: Kepuasan Pengguna .....	14
6.2	Bahagian B: Produktiviti dan Perubahan Budaya Kerja .....	18
6.3	Bahagian C: Infrastruktur .....	23
6.4	Bahagian D: Keselamatan Data.....	26
7.	Metodologi Penambahbaikan <i>Dashboard</i> .....	30
7.1	Bahagian A: Metodologi Penambahbaikan <i>Dashboard</i> .....	30
8.	Kesimpulan .....	36
9.	Cadangan Penambahbaikan / Syor .....	38
LAMPIRAN A.....		39
LAMPIRAN B.....		51
LAMPIRAN C.....		54

## 1. PENGENALAN

Kajian impak adalah satu daripada skop utama Projek Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA) 2.0. Kajian impak soal selidik berkaitan Projek DRSA terdahulu dilaksanakan secara atas talian kepada penjawat awam dari bulan Julai 2020 hingga November 2020.

Tujuan laporan ini adalah untuk memberikan hasil pelaksanaan kajian impak secara atas talian bagi Projek DRSA 2.0. Dokumen ini merangkumi semua maklumat berkaitan dengan pelaksanaan kajian impak secara atas talian serta hasil analisis kajian impak ini. Cadangan pelaksanaan kajian impak boleh dirujuk pada dokumen Cadangan Pelaksanaan Kajian Impak dan Borang Kajian Impak Soal Selidik boleh dirujuk pada **LAMPIRAN A**. Kajian Impak dilaksanakan ke atas dua (2) Projek DRSA yang terdahulu iaitu:

- i. Projek Rintis DRSA
- ii. Projek Peluasan DRSA

## 2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji dan menilai maklum balas responden Sektor Awam mengenai dua (2) Projek DRSA yang terdahulu;
2. Mengkaji dan menilai keberkesanan *dashboard* yang dibangunkan semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu; dan
3. Mengkaji dan menilai keberkesanan Projek DRSA dari segi kepuasan pengguna, produktiviti dan perubahan budaya kerja, infrastruktur serta keselamatan data.

### **3. SENARAI AGENSI**

Terdapat **empat (4) agensi** terlibat dalam Projek Rintis DRSA dan **12 agensi** terlibat dalam Projek Peluasan DRSA. Senarai agensi tersebut adalah:

#### **i. Projek Rintis DRSA**

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK)
- (c) Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
- (d) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

#### **ii. Projek Peluasan DRSA**

- (a) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- (b) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
- (c) Jabatan Audit Negara (JAN)
- (d) Kementerian Sumber Manusia (KSM)
- (e) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- (f) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- (g) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)
- (h) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- (i) Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE)
- (j) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)

## **4. KAE DAH KAJIAN**

Analisis kajian impak ini dibuat berdasarkan soal selidik dengan responden yang terlibat dalam Projek Rintis DRSA dan Projek Peluasan DRSA. Hasil pelaksanaan kajian impak adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 66 responden yang mengisi borang soal selidik secara atas talian. Hasil analisis kajian impak secara soal selidik ini dibahagikan kepada **tiga (3)** bahagian iaitu:

- i. Maklumat Umum
- ii. Dapatan Kajian
- iii. Cadangan Penambahbaikan

Borang soal selidik kajian impak secara atas talian adalah seperti di

### **LAMPIRAN A.**

## **5. MAKLUMAT UMUM**


Bahagian ini adalah untuk mengumpul dan menganalisa maklumat demografi responden yang terlibat dalam pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Analisis dibuat berdasarkan soal selidik secara atas talian yang diterima daripada responden. Penerangan hasil analisis akan dibahagikan kepada **10** perkara:

- I. **Senarai Responden (LAMPIRAN B) :** Soalan 1 - 4
- II. **Jawatan :** Soalan 5
- III. **Gred :** Soalan 6
- IV. **Skim :** Soalan 7
- V. **Umur Responden :** Soalan 8
- VI. **Projek Yang Terlibat :** Soalan 9
- VII. **Tajuk Kes Bisnes :** Soalan 10
- VIII. **Peranan Dalam Projek :** Soalan 11
- IX. **Kekerapan Penggunaan Dashboard :** Soalan 12
- X. **Pengetahuan Mengenai Big Data Sebelum dan Selepas terlibat dalam Projek DRSA :** Soalan 13 - 14

## 5.1 Bahagian A: Jawatan

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui jawatan responden Sektor Awam yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.1 Jawatan




Rajah 5.1 menunjukkan jawatan responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.1, terdapat **20%** responden adalah pegawai teknologi maklumat; **17%** responden adalah penolong pegarah kanan; **12%** responden adalah ketua penolong pegarah; **9%** responden adalah penolong pegarah; **5%** responden adalah ketua penolong setiausaha; **3%** responden adalah penolong pengarah; **3%** responden adalah penolong setiausaha; **3%** responden adalah penolong pengarah teknologi maklumat dan **2%** responden adalah jawatan lain-lain dengan merujuk kepada Rajah 5.2. Secara keseluruhan, kebanyakan responden adalah pegawai teknologi maklumat diikuti penolong pegarah kanan, penolong pegarah, ketua penolong setiausaha dan lain-lain.

## 5.2 Bahagian B: Gred

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui gred responden Sektor Awam yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.2 Gred




Rajah 5.2 menunjukkan gred responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.2, terdapat **21%** responden adalah gred F44; **12%** responden adalah gred F41; **9%** responden adalah gred M48; **8%** responden adalah gred 44; **8%** responden adalah gred F48; **5%** responden adalah gred 41; **5%** responden adalah gred FA29; **3%** responden adalah gred F54; **3%** responden adalah gred W48; **3%** responden adalah gred 52 dan **2%** responden adalah gred lain-lain. Secara keseluruhan, kebanyakan responden adalah gred F44 diikuti gred F41, gred M48, gred 44 dan gred F48.

### **5.3 Bahagian C: Skim**

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui skim perkhidmatan responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.3 Skim Perkhidmatan




Rajah 5.3 menunjukkan skim perkhidmatan berkaitan responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.3, terdapat **60%** responden daripada skim F; **12%** responden daripada skim M; **8%** responden daripada skim Teknologi Maklumat; **6%** responden daripada skim W dan **2%** responden daripada skim lain-lain. Secara keseluruhan, kebanyakan responden adalah daripada skim F diikuti skim M dan skim Teknologi Maklumat.

### **5.4 Bahagian D: Umur Responden**

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui umur responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.4 Umur Responden




Rajah 5.4 menunjukkan linkungan umur responden yang terlibat dalam kajian impak soal selidik mengenai Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.4, terdapat **53%** responden adalah dalam lingkungan umur 41-50 tahun; **32%** responden adalah dalam lingkungan umur 31-40 tahun; **14%** responden adalah dalam lingkungan umur 51-60 tahun dan **2%** responden adalah dalam linkungan umur 20-30 tahun. Secara keseluruhan, kebanyakan responden adalah dalam linkungan umur 41-50 tahun diikuti 31-40 tahun, 51-60 tahun dan 20-30 tahun.

### **5.5 Bahagian E: Projek Yang Terlibat**

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui nama projek yang mana responden terlibat semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.5 Projek Yang Terlibat




Rajah 5.5 menunjukkan nama projek yang responden terlibat semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.5, terdapat **73%** responden terlibat dalam Projek Peluasan DRSA; **21%** responden terlibat dalam Projek Rintis DRSA dan **6%** responden terlibat dalam kedua-dua Projek DRSA. Secara keseluruhan, kebanyakan responden terlibat dalam Projek Peluasan DRSA, diikuti Projek Rintis DRSA dan kedua-duanya.

## 5.6 Bahagian F: Tajuk Kes Bisnes

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui tajuk kes bisnes semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.6 Tajuk Kes Bisnes




Rajah 5.6 menunjukkan tajuk kes bisnes semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.6, terdapat **12%** responden terlibat dalam penyelesaian isu keciciran murid daripada sistem pendidikan malaysia bagi pembangunan modal insan; **11%** responden terlibat dalam pengukuhan perkhidmatan 1MOCC; **9%** responden terlibat dalam kes bisnes analisis sentimen; **8%** responden terlibat dalam penemuan audit (kewangan); **8%** responden terlibat dalam pengurusan permasalahan industri pengeluaran halal; **6%** responden terlibat dalam pemantauan media sosial berkaitan kementerian kewangan; **6%** responden terlibat dalam pemilihan kawasan akuakultur; **6%** responden terlibat dalam peningkatan produktiviti dan kualiti padi; **6%** responden terlibat dalam ramalan penyakit berjangkit; **6%** responden terlibat dalam *seamless job recruitment*; **5%** responden terlibat dalam kes bisnes pemantauan harga; **5%** responden terlibat dalam penggunaan air domestik di Malaysia; **5%** responden terlibat dalam peningkatan kebolehpasaran pekerjaan kepada pencari kerja; **5%** responden terlibat dalam perkhidmatan pelabuhan klang yang lebih kompetitif dan efisien; **3%** responden terlibat dalam pencegahan jenayah dan **2%** responden terlibat dalam sentimen semasa rakyat terhadap kerajaan Malaysia. Secara keseluruhan, kebanyakan responden terlibat dengan kes bisnes penyelesaian isu keciciran murid daripada sistem pendidikan Malaysia bagi pembangunan modal insan diikuti kedua banyak adalah pengukuhan perkhidmatan 1MOCC.

## 5.7 Bahagian G: Peranan Dalam Projek

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui peranan responden semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.7 Peranan Dalam Projek




Rajah 5.7 menunjukkan peranan responden dalam Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.7, terdapat **29%** responden adalah *Developer*, **26%** responden adalah *Subject Matter Expect (SME)*; **20%** responden adalah *Technical Lead*; **14%** responden adalah *Project Owner*, **8%** responden adalah *Project Lead*, **3%** responden adalah *End User* dan **2%** adalah *Data Provider*. Secara keseluruhan, kebanyakan responden adalah *Developer* diikuti kedua banyak *Subject Matter Expect (SME)* dan *Technical Lead*.

## 5.8 Bahagian H: Kekerapan Penggunaan *Dashboard*

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui kekerapan penggunaan *dashboard* oleh responden dalam pelaksanaan Projek DRSA terdahulu.

Rajah 5.8 Kekerapan Penggunaan *Dashboard*



Rajah 5.8 menunjukkan kekerapan penggunaan *dashboard* semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.8, terdapat **27%** menggunakan *dashboard* sekali seminggu; **27%** jarang menggunakan *dashboard*; **24%** menggunakan *dashboard* 2-3 hari setiap minggu; **14%** tidak pernah menggunakan *dashboard*; **3%** responden menggunakan *dashboard* setiap hari; **3%** menggunakan *dashboard* secara bulanan dan **2%** menggunakan *dashboard* secara suku tahun atau beberapa sekali. Secara keseluruhan, kebanyakan responden menggunakan *dashboard* sekali seminggu, diikuti jarang menggunakan *dashboard* dan menggunakan *dashboard* 2-3 hari setiap minggu.


Rajah 5.9 Sebab-sebab Jarang atau Tidak Pernah Menggunakan *Dashboard*



Rajah 5.9 menunjukkan sebab-sebab responden jarang atau tidak pernah menggunakan *Dashboard* semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 5.9, terdapat **48%** responden menyatakan tugas harian adalah tidak memerlukan penggunaan *dashboard*; **24%** responden menyatakan penggunaan *dashboard* untuk tugas tertentu sahaja; **21%** responden menyatakan data dan hasil analisis tidak holistik; **3%** responden menyatakan kementerian telah mempunyai sistem *database* yang mampu memaparkan *dashboard* sama dengan yang dihasilkan melalui projek ini dan **3%** responden menyatakan data daripada *dashboard* tidak tepat atau tidak relevan. Secara keseluruhan, kebanyakan responden jarang atau tidak pernah menggunakan *dashboard* kerana tugas harian adalah tidak memerlukan penggunaan *dashboard*.

## 5.9 Bahagian I: Pengetahuan Mengenai *Big Data*

Rajah 5.10 Pengetahuan Mengenai *Big Data* Sebelum dan Selepas Terlibat Dalam Projek



Rajah 5.10 menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang *Big Data* sebelum dan selepas terlibat dalam Projek DRSA. Berdasarkan Rajah 5.10, dapat dirumuskan bahawa sebelum terlibat dalam Projek DRSA, **5%** responden menyatakan mereka tidak pernah mendengar mengenai konsep *Big Data*; **47%** responden menyatakan mereka tidak memahami konsep *Big Data*, **47%** responden menyatakan mereka memahami secara asas konsep *Big Data* dan **2%** responden menyatakan mereka memahami secara mendalam konsep *Big Data*. Selepas terlibat dalam Projek DRSA, **tiada (0)** responden menyatakan mereka tidak pernah mendengar mengenai konsep *Big Data*; **tiada (0)** responden menyatakan mereka tidak memahami konsep *Big Data*, **41%** responden menyatakan mereka memahami secara asas konsep *Big Data* dan **59%** responden menyatakan mereka memahami secara mendalam konsep *Big Data*. Secara keseluruhan, kebanyakan responden menambah pengetahuan mereka mengenai *Big Data* selepas terlibat dalam Projek DRSA.

## 6. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini merangkumi analisis mengenai infrastruktur yang digunakan bagi pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Analisis dibuat berdasarkan Soal Selidik secara Atas Talian yang diterima daripada responden. Hasil analisis akan diterangkan dalam **empat (4)** bahagian:


- i. Kepuasan Pengguna
- ii. Produktiviti dan Perubahan Budaya Kerja
- iii. Infrastruktur
- iv. Keselamatan Data

### 6.1 Bahagian A: Kepuasan Pengguna

Objektif bahagian ini adalah untuk mengetahui tahap kepuasan pengguna terhadap Projek DRSA terdahulu. Rajah 6.1 hingga Rajah 6.7 merupakan hasil analisis penilaian responden terhadap bahagian ini.

- i. Merujuk Analisis Dashboard Ketika Melaksanakan Tugasan Yang Berkaitan


Rajah 6.1: Merujuk Analisis Dashboard Ketika Melaksanakan Tugasan



Rajah 6.1 menunjukkan maklum balas responden mengenai rujukan terhadap analisis *dashboard* sepanjang pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.1, dapat dirumuskan bahawa **55%** responden setuju bahawa mereka merujuk kepada analisis pada *dashboard* ketika melaksanakan tugas yang berkaitan; **27%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **18%** responden adalah tidak setuju.

ii. Kebanyakan Tugas Adalah Berkaitan Dengan Dashboard


Rajah 6.2: Kebanyakan Tugas Adalah Berkaitan Dengan *Dashboard*



Rajah 6.2 menunjukkan maklum balas responden mengenai tahap tugas harian yang berkaitan dengan *dashboard* sepanjang pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.2, dapat dirumuskan bahawa **47%** responden setuju bahawa kebanyakan tugas adalah berkaitan dengan *dashboard*; **26%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **27%** responden adalah tidak setuju.

iii. Dashboard Yang Mesra Pengguna (User-Friendly)


Rajah 6.3: *Dashboard* yang Mesra Pengguna



Rajah 6.3 menunjukkan maklum balas responden mengenai tahap mesra pengguna terhadap *dashboard* yang dibina semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.3, dapat dirumuskan bahawa **65%** responden setuju bahawa *dashboard* yang dibina adalah mesra pengguna (*user-friendly*); **26%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **9%** responden adalah tidak setuju.

#### iv. Dashboard Mengandungi Maklumat Yang Diperlukan


Rajah 6.4: *Dashboard* Mengandungi Maklumat Yang Diperlukan



Rajah 6.4 menunjukkan maklum balas responden terhadap kandungan maklumat yang terdapat dalam *dashboard* yang dibina semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.4, dapat dirumuskan bahawa **68%** responden setuju bahawa *dashboard* mengandungi maklumat yang diperlukan; **23%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **9%** responden adalah tidak setuju.

v. Dashboard Yang Dibina Memenuhi Keperluan Business Case Yang Ditetapkan


Rajah 6.5: *Dashboard* yang Dibina Memenuhi Keperluan *Business Case* yang Ditetapkan



Rajah 6.5 menunjukkan maklum balas responden terhadap *dashboard* yang dibina adalah memenuhi keperluan *business case* yang ditetapkan semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.5, dapat dirumuskan bahawa **68%** responden setuju bahawa *dashboard* yang dibina memenuhi keperluan *business case*; **23%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **9%** responden adalah tidak setuju.

vi. Penggunaan Dashboard Membantu Dalam Melaksanakan Tugasan Harian

Rajah 6.6: Penggunaan *Dashboard* Membantu dalam Melaksanakan Tugasan Harian




Rajah 6.6 menunjukkan maklum balas responden terhadap penggunaan *dashboard* dalam membantu responden melaksanakan tugas harian

semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.6, dapat dirumuskan bahawa **50%** responden setuju bahawa penggunaan *dashboard* membantu dalam melaksanakan tugas harian; **36%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **14%** responden adalah tidak setuju.

vii. Penggunaan *Dashboard* Memenuhi Keperluan Dan Memuaskan Hati

Rajah 6.7: Penggunaan *Dashboard* Memenuhi Keperluan dan Memuaskan Hati



Rajah 6.7 menunjukkan maklum balas tahap kepuasan responden terhadap *dashboard* dimana *dashboard* yang dibina memenuhi keperluan dan memuaskan hati. Berdasarkan Rajah 6.7, dapat dirumuskan bahawa **55%** responden setuju bahawa *dashboard* yang dibina memenuhi keperluan dan memuaskan hati; **33%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **12%** responden adalah tidak setuju.

Secara keseluruhan, kebanyakan responden memberikan maklum balas positif yang mana lebih daripada **46%** responden bersetuju mengenai kepuasan pengguna terhadap penggunaan *dashboard* daripada pelbagai aspek memenuhi keperluan dan memuaskan hati.


## 6.2 Bahagian B: Produktiviti dan Perubahan Budaya Kerja

Objektif bahagian ini adalah untuk mengenal pasti impak pelaksanaan Projek DRSA terdahulu dari segi produktiviti dan perubahan budaya kerja sepanjang

tempoh pelaksanaan projek tersebut. Rajah 6.8 hingga Rajah 6.12 merupakan hasil analisis penilaian responden terhadap bahagian ini.

i. Projek DRSA Menukar Gaya Kerja Kepada Cara Yang Lebih Efektif


Rajah 6.8: Projek DRSA menukar gaya kerja kepada cara yang lebih efektif



Rajah 6.8 menunjukkan maklum balas responden terhadap projek DRSA yang menukar gaya kerja kepada cara yang lebih efektif semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.8, dapat dirumuskan bahawa **74%** responden setuju bahawa projek DRSA menukar gaya kerja kepada cara yang lebih efektif; **18%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral) dan **8%** responden adalah tidak setuju.

ii. Projek DRSA Meningkatkan Prestasi Organisasi Dari Segi Produktiviti, Operasi Dan Kos


Rajah 6.9: Projek DRSA Meningkatkan Prestasi Organisasi Dari Segi Produktiviti, Operasi Dan Kos



Rajah 6.9 menunjukkan maklum balas responden terhadap projek DRSA dalam meningkatkan prestasi organisasi dari segi produktiviti, operasi dan kos semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.9, dapat dirumuskan bahawa **73%** responden setuju bahawa projek DRSA meningkatkan prestasi organisasi dari segi produktiviti, operasi dan kos; **20%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **8%** responden adalah tidak setuju.

### iii. Projek DRSA Meningkatkan Prestasi Pekerja


Rajah 6.10: Projek DRSA Meningkatkan Prestasi Pekerja



Rajah 6.10 menunjukkan maklum balas responden terhadap projek DRSA yang meningkatkan prestasi pekerja semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.10, dapat dirumuskan bahawa **74%** responden setuju bahawa projek DRSA meningkatkan prestasi pekerja; **18%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **8%** responden adalah tidak setuju.

iv. Projek DRSA Memberi Impak atau Perubahan Ketara Terhadap operasi atau Bisnes Organisasi


Rajah 6.11: Projek DRSA Memberi Impak atau Perubahan Ketara Terhadap operasi atau Bisnes Organisasi



Rajah 6.11 menunjukkan maklum balas responden terhadap Projek DRSA yang memberi impak atau perubahan ketara terhadap operasi atau bisnes organisasi. Berdasarkan Rajah 6.11, dapat dirumuskan bahawa **74%** responden setuju bahawa projek DRSA memberi impak atau perubahan ketara terhadap operasi atau bisnes organisasi; **18%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **8%** responden adalah tidak setuju.

v. Projek DRSA Memberikan Gambaran Secara Menyeluruh dengan Menyatukan Semua Maklumat Perkhidmatan dalam Satu Dashboard

Rajah 6.12: Projek DRSA Memberikan Gambaran Secara Menyeluruh Menyatukan Semua Maklumat Perkhidmatan dalam Satu Dashboard



Rajah 6.12 menunjukkan maklum balas responden terhadap projek DRSA yang memberikan gambaran secara menyeluruh dengan menyatukan semua maklumat perkhidmatan dalam satu *dashboard*. Berdasarkan Rajah 6.12, dapat dirumuskan bahawa **77%** responden setuju bahawa projek DRSA memberikan gambaran secara menyeluruh dengan menyatukan semua maklumat perkhidmatan dalam satu *dashboard* secara *real time* dan dapat menjimatkan masa serta meringankan beban kerja; **15%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **8%** responden adalah tidak setuju.


Secara keseluruhan, kebanyakan responden telah memberikan maklum balas positif yang mana lebih daripada **72%** responden bersetuju mengenai peningkatan produktiviti dan perubahan budaya kerja semasa pelaksanaan projek DRSA terdahulu.

### 6.3 Bahagian C: Infrastruktur

Objektif bahagian ini adalah untuk memahami infrastruktur Projek DRSA terdahulu. Rajah 6.13 hingga Rajah 6.17 merupakan hasil analisis penilaian responden terhadap bahagian ini.

#### i. Dashboard Dapat Dicapai Dalam Masa Yang Singkat


Rajah 6.13: *Dashboard* dapat dicapai dalam masa yang singkat



Rajah 6.13 menunjukkan maklum balas responden mengenai *dashboard* yang dibina dapat dicapai dalam masa yang singkat sepanjang pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.13, dapat dirumuskan bahawa **65%** responden setuju bahawa *dashboard* yang dibina dapat dicapai dalam masa yang singkat; **29%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **6%** responden adalah tidak setuju.

#### ii. Dashboard Berupaya Bertindak Balas Dengan Pantas Ketika Pengguna Klik Pada Fungsi Tertentu


Rajah 6.14: *Dashboard* Berupaya Bertindak Balas Dengan Pantas Ketika Pengguna Klik Pada Fungsi Tertentu



Rajah 6.14 menunjukkan maklum balas responden mengenai *dashboard* berupaya bertindak balas dengan pantas ketika pengguna klik pada fungsi tertentu sepanjang pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.14, dapat dirumuskan bahawa **64%** responden setuju bahawa *dashboard* berupaya bertindak balas dengan pantas ketika pengguna klik pada fungsi tertentu; **32%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **5%** responden adalah tidak setuju.

iii. Data Daripada Dashboard Dikemaskini Dengan Tepat dan Mengikut Jadual


Rajah 6.15: Data Daripada *Dashboard* Dikemaskini Dengan Tepat dan Mengikut Jadual



Rajah 6.15 menunjukkan maklum balas responden mengenai data daripada *dashboard* dikemaskini dengan tepat dan mengikut jadual sepanjang pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.15, dapat dirumuskan bahawa **53%** responden setuju bahawa data daripada *dashboard* dikemaskini dengan tepat dan mengikut jadual; **36%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **11%** responden adalah tidak setuju.

iv. Dashboard Tidak Pernah Mengalami Sebarang Isu Atau Masalah (Contoh: Dashboard Boleh Diakses Namun Data/Carta Tidak Dapat Dipaparkan)


Rajah 6.16: *Dashboard* Tidak Pernah Mengalami Sebarang Isu Atau Masalah



Rajah 6.16 menunjukkan maklum balas responden mengenai *dashboard* tidak pernah mengalami sebarang isu atau masalah sepanjang pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.16, dapat dirumuskan bahawa **47%** responden setuju bahawa *dashboard* tidak pernah mengalami sebarang isu atau masalah; **42%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **11%** responden adalah tidak setuju.

v. *Dashboard* Tidak Pernah Mengalami Masalah Server Down Sepanjang Pelaksanaan Projek Ini

Rajah 6.17: *Dashboard* Tidak Pernah Mengalami Masalah Server Down



Rajah 6.17 menunjukkan maklum balas responden mengenai *dashboard* tidak pernah mengalami masalah *server down* sepanjang pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.17, dapat dirumuskan bahawa **47%** responden setuju bahawa *dashboard* tidak pernah mengalami masalah *server down*; **41%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **12%** responden adalah tidak setuju.


Secara keseluruhan, kebanyakan responden telah memberikan maklum balas positif yang mana lebih daripada **46%** responden bersetuju mengenai keberkesanan infrastruktur yang disediakan semasa pelaksanaan projek DRSA terdahulu.

#### 6.4 Bahagian D: Keselamatan Data

Objektif bahagian ini adalah untuk memahami tahap keyakinan pengguna terhadap keselamatan data sepanjang tempoh pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Rajah 6.18 hingga Rajah 6.23 merupakan hasil analisis penilaian responden terhadap bahagian ini.

- i. Keselamatan Data Yang Dikongsi Dengan Pihak MAMPU Adalah Terjamin Dari Segi Privasi Data Peribadi.


Rajah 6.18: Keselamatan Data dari segi Privasi Data Peribadi



Rajah 6.18 menunjukkan maklum balas responden mengenai keselamatan data dari segi privasi data peribadi semasa pelaksanaan Projek DRSA terdahulu. Berdasarkan Rajah 6.18, dapat dirumuskan bahawa **77%** responden setuju bahawa keselamatan data yang dikongsi dengan pihak mampu adalah terjamin dari segi privasi data peribadi; **23%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala tiada (**0**) responden menyatakan tidak setuju.

ii. Data Yang Dikongsi Adalah Sulit Dan Hanya Dibenarkan Untuk Diakses Oleh Pihak Yang Diberi Kuasa Sahaja


Rajah 6.19: Data Yang Dikongsi Adalah Sulit



Rajah 6.19 menunjukkan maklum balas responden mengenai data yang dikongsi adalah sulit dan hanya dibenarkan untuk diakses oleh pihak yang diberi kuasa sahaja. Berdasarkan Rajah 6.19, dapat dirumuskan bahawa **77%** responden setuju bahawa data yang dikongsi adalah sulit dan hanya dibenarkan untuk diakses oleh pihak yang diberi kuasa sahaja; **21%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **2%** responden adalah tidak setuju.

iii. Integriti Data Terjamin (Data Yang Dikongsi Adalah Selamat dan Tidak Dapat Diubah Oleh Pihak Yang Tidak Berkaitan)

Rajah 6.20: Integriti Data Terjamin




Rajah 6.20 menunjukkan maklum balas responden mengenai integriti data dalam pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.20, dapat dirumuskan bahawa **79%** responden setuju bahawa integriti data adalah

terjamin (data yang dikongsi adalah selamat dan tidak dapat diubah oleh pihak yang tidak berkaitan); **20%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **2%** responden adalah tidak setuju.

iv. Pindaan Data Dapat Dikesan Dan Direkod Bagi Memastikan Integriti Data Adalah Terjamin


Rajah 6.21: Pindaan Data Dapat Dikesan Dan Direkod Bagi Memastikan Integriti Data Adalah Terjamin



Rajah 6.21 menunjukkan maklum balas responden mengenai pindaan data dapat dikesan dan direkod bagi memastikan integriti data dalam pelaksanaan projek DRSA. Berdasarkan Rajah 6.21, dapat dirumuskan bahawa **76%** responden setuju bahawa keselamatan data yang dikongsi dengan pihak mampu adalah terjamin dari segi privasi data peribadi; **24%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala tiada (**0**) responden menyatakan tidak setuju.

v. Masalah Server Down yang dialami diselesaikan dalam masa yang singkat


Rajah 6.22: Masalah Server Down yang dialami diselesaikan dalam masa yang singkat



Rajah 6.22 menunjukkan maklum balas responden mengenai masalah *server down* yang dialami dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Berdasarkan Rajah 6.22, dapat dirumuskan bahawa **68%** responden setuju bahawa masalah *server down* yang dialami diselesaikan dalam masa yang singkat; **30%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **2%** responden adalah tidak setuju.

#### vi. Masalah Server Down Tidak Menjejaskan Keselamatan Data

Rajah 6.23: Masalah Server Down Tidak Menjejaskan Keselamatan Data



Rajah 6.23 menunjukkan maklum balas responden mengenai masalah server down tidak menjelaskan keselamatan data. Berdasarkan Rajah 6.23, dapat dirumuskan bahawa **68%** responden setuju bahawa masalah server down tidak menjelaskan keselamatan data; **30%** responden menyatakan mereka antara setuju dan tidak setuju (Neutral); manakala **2%** responden adalah tidak setuju.

Secara keseluruhan, kebanyakan responden telah memberikan maklum balas positif yang mana lebih daripada **67%** responden setuju mengenai keselamatan dan integriti data yang dikongsi adalah terjamin.

## 7. Metodologi Penambahbaikan *Dashboard*

Objektif bahagian ini adalah untuk mendapatkan pendapat responden terhadap penambahbaikan *Dashboard* bagi tujuan penambahbaikan Projek DRSA pada masa hadapan. Hasil analisis akan diterangkan dalam **dua (2)** bahagian:


